

FATWA 2004

- 1. FATWA TENTANG HUKUM MENGGUNA SEMULA TANAH PERKUBURAN ISLAM**
- 2. FATWA TENTANG HARGA ZAKAT FITRAH 1425H/2004M**
- 3. FATWA TENTANG AJARAN AZHAR WAHAB**
- 4. FATWA TENTANG PENETAPAN HAD UMUR ANAK YATIM BAGI PELAKSANAAN PEMBERIAN SUMBANGAN HARI RAYA**
- 5. FATWA TENTANG ZAKAT FITRAH TAHUN 1424H/2003M**
- 6. FATWA TENTANG MASAIL ASNAF GHARIMIN DAN PENYELESAIANNYA**

1. **FATWA TENTANG HUKUM MENGGUNA SEMULA TANAH
PERKUBURAN ISLAM**



NEGERI SELANGOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 57
No. 21

7hb Oktober 2004

*TAMBAHAN No. 10
PERUNDANGAN*

Sel. P.U. 14.

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI SELANGOR) 2003

FATWA DI BAWAH SESKYEN 47

Menurut seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 [*En. 1/2003*], Jawatankuasa Fatwa bagi Negeri Selangor, atas perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan menyediakan fatwa yang dinyatakan dalam Jadual dan disiarkan menurut subseksyen 48(6) Enakmen itu.

En. 2/1989.

ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM
(STATE OF SELANGOR) ENACTMENT 2003

FATWA UNDER SECTION 47

PURSUANT to section 47 of the Administration of the Religion of Islam (State of Selangor) Enactment 2003 [*En. 1/2003*], the *Fatwa* Committee for the State of Selangor, on the direction of His Royal Highness the Sultan prepare the *Fatwa* as set out in the Schedule and is published pursuant to subsection 48(6) of the Enactment.

En. 2/1989.

JADUAL/SCHEDULE

HUKUM MENGGUNA SEMULA TANAH PERKUBURAN ISLAM

- (1) Harus menggali semula tanah perkuburan sekiranya terdapat keperluan yang mendesak atau darurat dengan sebab-sebab tertentu yang diharuskan oleh syara'.
- (2) Harus menggali semula tanah perkuburan setelah dikenalpasti mayat itu telah reput oleh pihak berkuasa untuk digunakan bagi mengebumikan mayat yang baru.
- (3) Tanah perkuburan yang sudah penuh dan tiada kawasan lapang sebagai menambah keluasan tanah perkuburan, maka adalah disarankan bahawa menggunakan semula tanah perkuburan laman dengan cara/kaedah :

Menimbus tanah di atas kubur lama di kawasan tanah perkuburan setinggi 4 kaki. Kaedah ini amat sesuai di tanah perkuburan yang rendah.

Bertarikh 8 September 2004

Dated 8 September 2004

[Mufti Sel. 500-2; PU. Sel. AGM. 0007 Jld. 2]

Dengan Titah Perintah/ *By Command*

DATO' HAJI MOHD TAMYES BIN ABD. WAHID
*Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Selangor/
Chairman of the Fatwa Committee of Selangor*

2. FATWA TENTANG HARGA ZAKAT FITRAH 1425H/2004M



NEGERI SELANGOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 57

7hb Oktober 2004

TAMBAHAN No. 10

No. 21

PERUNDANGAN

Sel. P.U. 15.

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI SELANGOR) 2003

FATWA DI BAWAH SESKYEN 47

En. 2/1989.

Menurut seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 [*En. 1/2003*], Jawatankuasa Fatwa bagi Negeri Selangor, atas perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan menyediakan fatwa yang dinyatakan dalam Jadual dan disiarkan menurut subseksyen 48(6) Enakmen itu.

ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM (STATE OF SELANGOR) ENACTMENT 2003

FATWA UNDER SECTION 47

En. 2/1989.

PURSUANT to section 47 of the Administration of the Religion of Islam (State of Selangor) Enactment 2003 [*En. 1/2003*], the *Fatwa* Committee for the State of Selangor, on the direction of His Royal Highness the Sultan prepare the *Fatwa* as set out in the Schedule and is published pursuant to subsection 48(6) of the Enactment.

JADUAL/SCHEDULE

ZAKAT FITRAH NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 1425H/2004M

- (1) Harga zakat fitrah bagi tahun 1425H/2004M adalah sebanyak RM 4.70 seorang.

- (2) Semua umat Islam yang tinggal atau bekerja di Negeri Selangor hendaklah membayar zakat fitrah kepada penolong-penolong amil yang dilantik oleh Majlis Agama Islam Selangor bagi tahun 1425H/2004M.

Bertarikh 8 September 2004

Dated 8 September 2004

[Mufti Sel. 500-2; PU. Sel. AGM. 0007 Jld. 2]

Dengan Titah Perintah/ *By Command*

DATO' HAJI MOHD TAMYES BIN ABD. WAHID
*Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Selangor/
Chairman of the Fatwa Committee of Selangor*

3. FATWA TENTANG AJARAN AZHAR WAHAB



NEGERI SELANGOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 57
No. 21

7hb Oktober 2004

*TAMBAHAN No. 10
PERUNDANGAN*

Sel. P.U. 16.

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI SELANGOR) 2003

FATWA DI BAWAH SESKYEN 47

En. 2/1989.

Menurut seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 [*En. 1/2003*], Jawatankuasa Fatwa bagi Negeri Selangor, atas perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan menyediakan fatwa yang dinyatakan dalam Jadual dan disiarkan menurut subseksyen 48(6) Enakmen itu.

ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM
(STATE OF SELANGOR) ENACTMENT 2003

FATWA UNDER SECTION 47

En. 2/1989.

PURSUANT to section 47 of the Administration of the Religion of Islam (State of Selangor) Enactment 2003 [*En. 1/2003*], the *Fatwa* Committee for the State of Selangor, on the direction of His Royal Highness the Sultan prepare the *Fatwa* as set out in the Schedule and is published pursuant to subsection 48(6) of the Enactment.

JADUAL/SCHEDULE

AJARAN AZHAR WAHAB

Dari segi Akidah :

- (1) Mengaku mengamalkan Aurad Muhammadiyah (pengakuan semasa perjumpaan dengan Ketua Pengarah JAKIM pada 15 November 2002)

- (2) Menggunakan 'Tawassul' iaitu berdoa sebelum melakukan urut refleksi dengan berkata "Ya Allah dengan berkat dan karamah Guruku Tuan Azhar, sembuhkan penyakit si pulan".
- (3) Mengadakan kuliah tertutup untuk ahli dan kakitangan serta didampingi oleh 'Pak Syeikh' atau 'wali Allah'. Azhar bin Wahab pernah mendakwa rohnya berada di Gunung Jerai bersama Wali Songo dan Nabi Khaidir sedang tubuhnya berada di Damansara.
- (4) Berbai'ah akan mengikut segala arahan guru dan merahsiakannya dari orang ramai, sesiapa yang belot atau keluar hidupnya tidak akan selamat.
- (5) Memakan ais sebagai satu syarat mendapatkan karamah dari guru. Memakan ais ini simbol kepada amalan pertapaan bagi mendapat ilmu perbomohan.
- (6) Mempunyai bala tentera dan kapal terbang ghaib.
- (7) Mempunyai masjid jin di Gunung Jerai di samping mengaku selalu bermesyuarat dengan golongan jin di gunung-gunung tertentu seperti Gunung Sentubung di Sarawak.
- (8) Mengetahui pergerakan orang yang mengintip setiap aktiviti.
- (9) Mempunyai pengawal dari golongan jin.
- (10) Menangis di hadapan ahli-ahli dan kakitangan kerana mendakwa nampak dan tahu kesalahan agama yang pernah dibuat pengikutnya.
- (11) Percaya dengan khurafat seperti :
 - (i) Semasa perarakan untuk melantik beliau sebagai Naib Khalifah Seni Silat mempertahankan diri Al-Mansur, seekor gajah telah menarik tangannya. Beliau amat percaya dengan telahan di kalangan ahli perarakan bahawa gajah tersebut meminta beliau menaiki belakangnya kerana beliau berketurunan 'raja'.
 - (ii) Tabib dan tabibah diarah menggunakan keris untuk mengubat dan mempercayai keris tersebut ada penunggu.
 - (iii) Menggunakan setinggi untuk diasapkan di setiap pusat rawatan sebelum memulakan perniagaan urut refleksi, di samping itu memberi salam kepada Rasulullah s.a.w., Nabi Khaidir dan Azhar sendiri. Amalan ini dilakukan setiap hari sebelum memulakan perniagaan atau membuka perniagaan.

Dari segi syariat :

- (1) Mana-mana ahli yang didapati bersalah dan jika dapat dikesan oleh Azhar, maka ahli berkenaan akan dikenakan 'dam' sama ada dalam bentuk wang atau harta benda.

- (2) Solat waktu sentiasa dijamakkan.
- (3) Menyampaikan perjuangan agama seperti yang dikehendaki oleh Rasulullah s.a.w. dan mendakwa penubuhan syarikatnya juga adalah seperti yang pernah dibuat oleh Rasulullah s.a.w. iaitu berniaga untuk mengembangkan Islam.
- (4) Apa sahaja yang dibawa oleh Azhar bin Wahab adalah benar belaka dan tidak boleh dipertikaikan segala keputusan dan arahannya.
- (5) Azhar bin Wahab selalu tidak sembahyang Jumaat.

Dari segi Akhlak ::

- (1) Memulakan ucapan dengan bersumpah memegang Al-Quran. Ini dilakukan oleh Azhar bin Wahab dan pengikut kanannya Hj. Illias bin Hj. Yusuf (dimajlis pertemuan dengan Ketua Pengarah JAKIM pada 15 November 2002 lalu).
- (2) Boleh memberi 'barakah' dan 'syafaat' kepada anak muridnya.
- (3) Ada keberkatan kerana boleh menarik duit para pelanggan dan mereka akan mengeluarkan wang sebanyak mana yang mereka ada.
- (4) Memberitahu pengikutnya bahawa dirinya boleh dilihat manusia sebagai berpakaian biasa tetapi sebenarnya beliau berjubah serba putih, berserban, bermisai dan berjanggut seperti wali Allah.
- (5) Boleh ke mana-mana dengan serta merta termasuk ke China dan ke Mekah.
- (6) Menggugut ahli agar jangan derhaka kepadanya nanti tidak mendapat karamah.
- (7) Mewajibkan ahli agar tidak bercampur-gaul dengan masyarakat.

Ajaran Azhar bin Wahab (Pengasas Al-Mansur Holdings Sdn. Bhd.) adalah diharamkan, kerana didapati ada percanggahan dengan akidah, syariat dan akhlak Islam. Orang-orang Islam yang mengamalkan ajaran Azhar bin Wahab di mana-mana jua berada hendaklag segera bertaubat serta memohon keampunan kepada Allah S.W.T.

Bertarikh 21 September 2004

Dated 21 September 2004

[Mufti Sel. 500-2; PU. Sel. AGM. 0007 Jld. 2]

Dengan Titah Perintah/ By Command

DATO' HAJI MOHD TAMYES BIN ABD. WAHID
*Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Selangor/
 Chairman of the Fatwa Committee of Selangor*

4. **FATWA TENTANG PENETAPAN HAD UMUR ANAK YATIM BAGI
PELAKSANAAN PEMBERIAN SUMBANGAN HARI RAYA**



NEGERI SELANGOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 57
No. 21

7hb Oktober 2004

*TAMBAHAN No. 10
PERUNDANGAN*

Sel. P.U. 17.

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI SELANGOR) 2003

FATWA DI BAWAH SESKYEN 47

En. 2/1989.

Menurut seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 [*En. 1/2003*], Jawatankuasa Fatwa bagi Negeri Selangor, atas perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan menyediakan fatwa yang dinyatakan dalam Jadual dan disiarkan menurut subseksyen 48(6) Enakmen itu.

ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM
(STATE OF SELANGOR) ENACTMENT 2003

FATWA UNDER SECTION 47

En. 2/1989.

PURSUANT to section 47 of the Administration of the Religion of Islam (State of Selangor) Enactment 2003 [*En. 1/2003*], the *Fatwa* Committee for the State of Selangor, on the direction of His Royal Highness the Sultan prepare the *Fatwa* as set out in the Schedule and is published pursuant to subsection 48(6) of the Enactment.

JADUAL/SCHEDULE

PENETAPAN KADAR HAD UMUR ANAK YATIM DI NEGERI SELANGOR
BAGI PELAKSANAAN PEMBERIAN SUMBANGAN HARI RAYA

(1) Peruntukan wang telah diberikan kepada anak yatim oleh MAIS.

- (2) Peruntukan wang tersebut diambil dari Baitulmal bukan zakat.
- (3) Sebagai sumbangan untuk menyambut Hari Raya.
- (4) Bantuan/sumbangan ini diberikan kepada anak-anak yatim di Negeri Selangor.
- (5) Anak yatim lelaki dan perempuan yang berumur 15 tahun dan belum mencapai umur 16 tahun layak mendapat pemberian sumbangan Hari Raya.

Bertarikh 21 September 2004

Dated 21 September 2004

[Mufti Sel. 500-2; PU. Sel. AGM. 0007 Jld. 2]

Dengan Titah Perintah/ By Command

DATO' HAJI MOHD TAMYES BIN ABD. WAHID
*Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Selangor/
Chairman of the Fatwa Committee of Selangor*

5. **FATWA TENTANG ZAKAT FITRAH TAHUN 1424H/2003M**



NEGERI SELANGOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 57
No. 21

7hb Oktober 2004

*TAMBAHAN No. 10
PERUNDANGAN*

Sel. P.U. 18.

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI SELANGOR) 2003

FATWA DI BAWAH SESKYEN 47

En. 2/1989.

Menurut seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 [*En. 1/2003*], Jawatankuasa Fatwa bagi Negeri Selangor, atas perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan menyediakan fatwa yang dinyatakan dalam Jadual dan disiarkan menurut subseskyen 48(6) Enakmen itu.

ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM
(STATE OF SELANGOR) ENACTMENT 2003

FATWA UNDER SECTION 47

En. 2/1989.

PURSUANT to section 47 of the Administration of the Religion of Islam (State of Selangor) Enactment 2003 [*En. 1/2003*], the *Fatwa* Committee for the State of Selangor, on the direction of His Royal Highness the Sultan prepare the *Fatwa* as set out in the Schedule and is published pursuant to subsection 48(6) of the Enactment.

JADUAL/SCHEDULE

HARGA ZAKAT FITRAH NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 1424H/2003M

- (1) Harga zakat fitrah bagi tahun 1424H/2003M adalah sebanyak RM 4.50 seorang.

- (2) Semua umat Islam yang tinggal atau bekerja di Negeri Selangor hendaklah membayar zakat fitrah kepada penolong-penolong amil yang dilantik oleh Majlis Agama Islam Selangor bagi tahun 1424H/2003M.

Bertarikh 21 September 2004

Dated 21 September 2004

[Mufti Sel. 500-2; PU. Sel. AGM. 0007 Jld. 2]

Dengan Titah Perintah/ By Command

DATO' HAJI MOHD TAMYES BIN ABD. WAHID
*Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Selangor/
Chairman of the Fatwa Committee of Selangor*

6. **FATWA TENTANG MASAIL ASNAF GHARIMIN DAN PENYELESAIANNYA**



NEGERI SELANGOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 57

7hb Oktober 2004

TAMBAHAN No.10

No. 21

PERUNDANGAN

Sel. P.U. 19.

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI SELANGOR) 2003

FATWA DI BAWAH SESKYEN 47

En. 2/1989.

Menurut seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 [*En. 1/2003*], Jawatankuasa Fatwa bagi Negeri Selangor, atas perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan menyediakan fatwa yang dinyatakan dalam Jadual dan disiarkan menurut subseksyen 48(6) Enakmen itu.

ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM
(STATE OF SELANGOR) ENACTMENT 2003

FATWA UNDER SECTION 47

En. 2/1989.

PURSUANT to section 47 of the Administration of the Religion of Islam (State of Selangor) Enactment 2003 [*En. 1/2003*], the *Fatwa* Committee for the State of Selangor, on the direction of His Royal Highness the Sultan prepare the *Fatwa* as set out in the Schedule and is published pursuant to subsection 48(6) of the Enactment.

JADUAL/SCHEDULE

MASAIL ASNAF GHARIMIN DAN PENYELESAIANNYA

Takrif Al-Gharimin : mengikut ulama' Mazhab Syafi'i dan Hanbali ialah orang yang berhutang sama ada hutang untuk dirinya sendiri atau hutang

untuk orang lain dan sama ada hutang ini bertujuan untuk melakukan sesuatu kebaikan (taat kepada Allah). Syarat-syarat terhadap gharimin yang perlu mendapat bantuan adalah seperti berikut:

- (1) Pemohon tidak mempunyai harta atau sumber kewangan uang melebihi keperluan asasinya.
- (2) Pinjaman yang dibuat di dalam perkara-perkara yang halal dan harus.
- (3) Wujud keperluan menyelesaikan hutang dengan segera.
- (4) Wujudnya kemudharatan terhadap diri dan keluarga jika hutang tidak dibayar.
- (5) Gharimin yang berhutang untuk menyelesaikan permasalahan asasi seperti kesihatan, pelajaran diperingkat rendah dan menengah, makanan, tempat perlindungan sementara dan segala hutang untuk meninggikan martabat agama dibantu terus dari peruntukan asnaf gharimin tanpa melihat kepada jumlah yang ditanggung.
- (6) Gharimin yang berhutang untuk menyelesaikan permasalahan selain dari syarat (5) yang disebutkan di atas dibantu dari peruntukan asnaf gharimin secara Qardhul Hasan dan wajib menjalani tempoh pemulihan.

Bertarikh 21 September 2004

Dated 21 September 2004

[Mufti Sel. 500-2; PU. Sel. AGM. 0007 Jld. 2]

Dengan Titah Perintah/ By Command

DATO' HAJI MOHD TAMYES BIN ABD. WAHID
*Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Selangor/
Chairman of the Fatwa Committee of Selangor*